

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK**  
**[ SIMPANG RENGAM ]**  
**TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan sekarang serta ketetapan sama ada urusan tender penerbitan buku teks CEFR akan diberikan kepada ITBM secara runding terus memandangkan ia sebuah agensi Kerajaan yang terkait dengan penterjemahan dan penerbitan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) merupakan agensi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang terlibat dalam industri penterjemahan dan penerbitan. ITBM pada ketika ini kekal melaksanakan fungsi dan peranan melalui empat khidmat utama iaitu terjemahan, kejurubahasaan, kursus dan latihan serta penerbitan buku.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Jun 2019, 20 Jun 2019 dan 6 Disember 2019 yang telah mempertimbang dan bersetuju agar ITBM diberikan nilai kontrak perolehan buku teks secara rundingan terus. Susulan itu, KPM telah mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk meluluskan pemberian Projek CEFR Tahun 6 secara runding terus kepada ITBM. Surat Setuju Terima (SST) telah diberikan kepada ITBM pada 23 September 2020.

Sekian, terima kasih.